

BAB 4

SEJARAH FILEM NEGARA MALAYSIA DAN PERKEMBANGANNYA

4.1 SEJARAH AWAL PENUBUHAN *MALAYAN FILM UNIT*/ FILEM NEGARA MALAYSIA

Malayan Film Unit (MFU) telah ditubuhkan pada tahun 1946. Dengan tertubuhnya *MFU* bermulalah satu sejarah di mana sebuah badan perfileman yang dikawal oleh kerajaan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya menerbitkan filem-filem bercorak dokumentari bertujuan memberi maklumat, pendidikan dan menjelaskan propaganda kerajaan yang pada ketika itu sedang menghadapi ancaman dari anasir komunis.

Satu rekod bertulis dengan tajuk "Birth Of The Tiger : How It All Began"⁴² yang diperolehi daripada fail Filem Negara Malaysia boleh menerangkan bagaimana bermulanya *MFU*. Artikel tersebut menyorot kembali mengenai sejarah awal penubuhan *MFU*.

Menurut artikel tersebut seorang pengarah filem dokumentari, Mr. Ralph Elton datang ke Tanah Melayu pada awal tahun 1946. Beliau bertugas dengan *Britain Crown Film Unit, England*. Lelaki Inggeris yang berusia 32

⁴² "Birth Of The Tiger : How It All Began", Fail Filem Negara Malaysia (Sejarah), FNM / 10 / 896, hal. 1.

tahun itu telah dihantar ke Ceylon untuk membuat penggambaran filem mengenai peperangan di hutan bersama dengan Tentera Laut British di sana.

Sebagai seorang Pengarah filem yang baik beliau sentiasa nampak peluang yang lebih luas untuk menghasilkan filem-filem di tempat lain pula. Selepas sahaja Perang Dunia Kedua tamat Ralph Elton bersama-sama Jurukamera dan pembantunya berserta dengan Pengurus Unit telah meninggalkan Ceylon dan akhirnya tiba di Pulau Pinang bersama Tentera Laut British.

Kesemua mereka tidak kekal berada di Pulau Pinang. Dengan bantuan orang tempatan mereka menumpang apa saja kenderaan yang ada untuk meneruskan perjalanan ke selatan Tanah Melayu. Dalam perjalanan mereka singgah di Kuala Kangsar. Di situ mereka telah mendapat satu ilham untuk menerbitkan sebuah filem yang berdasarkan kisah gerila dan Force 136. Ralph Elton dan rakan-rakannya amat bertuah kerana dapat tinggal di sebuah banglo kepunyaan Sultan Perak.

Di banglo itulah mereka memulakan kerja-kerja kreatif mereka iaitu menghasilkan filem. Mereka bernasib baik kerana dapat tinggal bersama-sama dengan tiga anak tempatan yang mempunyai minat yang sama. Mereka ialah Eusoff Khan, Lee Meow Seong dan Osman Shamsuddin. Elton

dan Jurukameranya, Denny Densham serta Pengurus Unitnya, Eric Hudson berasa amat gembira dan bertuah sekali kerana mendapat pertolongan yang sungguh baik dan itu amat bererti bagi mereka.

Ramai lagi yang berminat untuk menyertai Elton dalam kerja-kerja filem itu. Pegawai Daerah Kuala Kangsar dan keraninya, Ow Kheng Law juga ingin bersama kumpulan Elton. Di Taiping, bekas pegawai propaganda Jepun dan tiga orang pemproses filem iaitu Ong Hock Lim, Jumaat bin Jaalam dan Wong Khye Weng juga telah diserap ke dalam *Crown Film Unit*.

Kerja-kerja filem bertambah rumit. Penglibatan secara langsung oleh lebih ramai orang-orang tempatan amat diperlukan oleh Elton. Hari demi hari berlalu dengan tugas lebih mencabar tetapi menggembirakan. Elton sudah mula jatuh cinta dengan Malaya. Walau bagaimanapun timbul rasa kebimbangan di hatinya, apabila filemnya hampir selesai. Apakah ada masa hadapan bagi pekerja-pekerja tempatan tersebut. Soalan itu bermain di fikirannya kerana dia kagum dengan kesungguhan dan kerajinan mereka membantunya.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua Elton yakin bahawa Tanah Melayu akan mengalami perubahan. Sebagai seorang penggiat dalam menghasilkan filem-filem dokumentari, beliau terfikir kenapakah tidak diteruskan sahaja

usaha-usaha penghasilan filem-filem tersebut kerana ia berpendapat bahawa filem-filem itu mampu memainkan peranannya memberi maklumat dan mendidik rakyat keseluruhannya. Dia juga percaya bahawa orang-orang tempatan yang memberi bantuan kepadanya adalah orang-orang yang berkebolehan dan berpotensi untuk meneruskan tugas-tugas menerbitkan filem.

Walaupun idea Elton berupa telahan semata-mata tetapi beliau mengharapkan ia akan menjadi kenyataan. Semangatnya begitu tinggi lantaran dorongan pekerja-pekerja tempatan yang begitu bersungguh-sungguh. Lebih-lebih lagi dengan sokongan yang diterimanya dari Encik Mubin Sheppard yang pada ketika itu menjadi Pengarah Perhubungan Raya, Tanah Melayu (kini dikenali sebagai Jabatan Penerangan).

Kemudiannya beberapa orang lagi menyertai *Crown Film Unit*. Mereka terdiri dari penduduk luar bandar dan bukannya orang yang datang dari sekolah Inggeris. Antara mereka ialah Ismail bin Kulop, Wan Mat bin Embun dan Hassan bin Raschid. Mereka diberi tugas sebagai *grips* iaitu pembantu, satu istilah yang digunakan dalam unit penggambaran. Pada masa yang sama impian dan idea Elton untuk melihat satu unit filem tertubuh di Tanah Melayu masih kabur.

Sehinggalah ke satu masa di mana kerajaan Tanah Melayu telah membeli peralatan-peralatan filem dari Pasukan Filem Tentera British yang berpangkalan di Singapura. Dengan pembelian peralatan itulah bermulanya sejarah penubuhan *MFU*.

Menurut Haji Mubin Sheppard dalam artikelnya bertajuk "Impian Jadi Kenyataan"⁴³ dalam *Buku Cenderamata* sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia pada 24 Ogos 1965, Pasukan Filem Tentera British yang pernah berkhidmat di Burma menghasilkan filem-filem bercorak berita dan dokumentari untuk kegunaan pasukan mereka. Mereka kemudiannya dipindahkan ke Singapura dan pasukan itu dibubarkan. Peralatan-peralatan filem itulah yang dijual kepada Kerajaan Tanah Melayu.

Menurut artikel "Birth Of The Tiger", detik itulah bermulanya penubuhan *Malayan Film Unit (MFU)* yang berlaku dalam tahun 1946. Kakitangan daripada *Crown Film Unit* diserapkan ke *MFU*. Tempat pertama ia beroperasi ialah di sebuah bangsal kayu di Bangsar, Kuala Lumpur. Bangsal itu sebenarnya adalah bekas kilang kertas milik Jepun.

⁴³ Haji Mubin Sheppard, " Impian Jadi Kenyataan ", (Kuala Lumpur : 1965, *Buku Cenderamata* Keluaran Khas sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Almarhum Tunku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 24. 8. 1965), hal. 11.

Peralatan-peralatan filem yang dibeli di Singapura dipasang di bangunan itu dengan bantuan Jurukamera tentera. Ia merangkumi alat-alat memproses filem, peralatan bunyi dan juga peralatan animasi. *MFU* merupakan satu-satunya unit filem yang pertama diwujudkan di tanah jajahan British menggunakan sumber dan bakat tempatan dengan pertolongan yang amat minima daripada pakar luar.

Setelah lama berjuang hinggalah impian sudah menjadi kenyataan, *MFU* memulakan langkah gagah dan berani sesuai dengan logo yang dipilih iaitu **harimau**. Logo ini dicipta oleh Encik Gillie Potter, Pengarah Seni di Bahagian Gerak Gambar pada tahun 1946.⁴⁴ Tiga contoh binatang telah dikemukakan kepada pihak pengurusan iaitu seladang, sang kancil dan harimau. Harimau menjadi pilihan kerana ia melambangkan kegagahan, kekuatan dan kecergasan untuk mengharung segala cabaran yang mendatang.

⁴⁴ " Fail Filem Negara Malaysia (Sejarah) ", FNM / 10 / 896.

4.2 ERA PERMULAAN MALAYAN FILM UNIT

Tahun 1946 merupakan satu tahun keramat bagi sejarah perfileman Persekutuan Tanah Melayu dengan tertubuhnya *Malayan Film Unit (MFU)*.⁴⁵ Sebuah bangsal kilang kertas milik Jepun di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur adalah tempat pertama dijadikan pejabat operasi *MFU*. Dengan peralatan amat minima yang dibeli daripada Britain's *Crown Film Unit* di Singapura yang telah dibubarkan, disitulah bermula segala-galanya.

Tujuan utama penubuhan *MFU* pada peringkat awalnya ialah untuk menghasilkan filem-filem yang membantu memberi penerangan, mendidik dan mengeratkan perpaduan di kalangan masyarakat ketika itu, di samping bertujuan memperkenalkan Tanah Melayu ke dunia luar.

Dalam satu laporan yang terkandung dalam *Policy File, Malayan Film Unit* (615/46) yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia menyatakan bahawa tujuan utama lain ialah untuk mengurangkan kadar buta huruf di kalangan masyarakat ketika itu dan menyedarkan mengenai pentingnya pelajaran.⁴⁶

⁴⁵ Dipetik daripada ucapan YB Encik Senu Abdul Rahman, Menteri Penerangan & Penyiaran, (Kuala Lumpur : 1965, *Buku Cenderamata* Keluaran Khas sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Almarhum Tunku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 24. 8. 1965), hal. 5.

⁴⁶ *Policy File, Malayan Film Unit* (615/46), No. 3 in M.U. 6848/47, Arkib Negara Malaysia.

Pada permulaannya hanya terdapat 20 orang anggota perintis yang melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tujuh darinya adalah anak tempatan manakala selebihnya terdiri dari Juruteknik-Juruteknik filem daripada Tentera British. Orang yang diberi tanggungjawab untuk melatih anak tempatan menggunakan peralatan filem ialah Encik Harry Govan.⁴⁷

Tujuh orang anak tempatan yang mula-mula berkhidmat dengan *MFU* ialah Encik Yusof Khan sebagai Penolong Pengarah, Encik Osman Haji Shamsuddin sebagai Jurukamera, Encik Lee Meow Siong sebagai Penerbit dan Encik Jumaat Jaalam sebagai Pengurus Makmal. Tiga orang lagi ialah Encik Ismail Kulop sebagai pekerja makmal, Encik Hassan Rashid sebagai Pembantu Jurukamera dan Encik Mat Embon sebagai Penolong Makmal (Jamil Sulong, 1990:239).

Hasil kerja keras semua yang terlibat, walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan telah melahirkan filem *MFU* yang pertama dalam bulan Jun 1947, berjudul *Face Of Malaya-1*. Filem ini membawa tema mengenai perumahan.⁴⁸

⁴⁷ " Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia ", (Kuala Lumpur : 1965, *Buku Cenderamata* Keluaran Khas sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Almarhum Tunku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 24. 8. 1965), hal. 15.

⁴⁸ Opcit, Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia, hal. 15.

Menurut artikel "Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia" yang terkandung dalam Buku Cenderamata Keluaran Khas sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia, dalam tahun pertama penubuhannya *MFU* berjaya menghasilkan lapan filem bercorak majalah, dua filem rencana, satu filem mengenai urusan perniagaan dan tiga filem treler. Lebih seratus salinan filem telah diedarkan di dalam dan ke luar negara sehingga ke negara-negara India, Afrika Selatan, Australia, New Zealand dan United Kingdom.

Dalam tahun 1949 kakitangan *MFU* telah bertambah menjadi 28 orang. Pada tahun inilah tercetusnya idea supaya *MFU* mempunyai satu bangunan sendiri yang lebih sempurna. Perkara itu timbul ekoran nasihat Ketua Setiausaha, Sekretariat Persekutuan ketika itu supaya permohonan peruntukan untuk tujuan itu dikemukakan.

Walaupun dalam keadaan yang masih daif namun *MFU* masih mampu menghasilkan sebuah filem yang dianggap baik iaitu **Riwayat Kinta** dalam tahun 1949. Filem ini merempuh ke gelanggang antarabangsa dengan menyertai Pesta Filem Edinburg pada tahun berikutnya.

Lembah Kinta adalah kawasan bijih timah yang terkaya di dunia. Dalam zaman darurat pengganas komunis cuba menakluk kawasan itu dengan melakukan jenayah ugutan, kerosakan dan pembunuhan. Filem

Riwayat Kinta ini mengisahkan bagaimana pihak pemilik lombong, pekerjaanya, polis dan pihak berkuasa yang lain mengatur satu sistem pengawalan untuk mempertahankan Lembah Kinta. Akibatnya pihak komunis gagal untuk menguasai kawasan itu.

Dalam tahun 1950 seorang pakar perfileman dari Australia Encik Stanley Hawes telah dijemput oleh Kerajaan Malaya untuk membuat kajian dan cadangan-cadangan mengenai tujuan utama dan fungsi sebenar *MFU*. Dalam laporannya Hawes memberi cadangan supaya unit filem itu diperbesarkan dan skop penerbitan filemnya diperluaskan meliputi penerbitan filem-filem yang boleh membawa mesej kerajaan kepada rakyat.⁴⁹

Cadangan beliau itu bertepatan sekali dengan keadaan darurat yang sedang dihadapi oleh negara ketika itu. *MFU* memainkan peranan teramat penting pada masa itu dengan menerbitkan filem-filem propaganda yang memberi penerangan dan maklumat kepada rakyat.

Dalam tahun 1951 dan 1952 *MFU* semakin rancak menerbitkan filem-filemnya. Dilapurkan sebanyak empat buah filem darurat dan 250 buah filem berbentuk berita telah dihasilkan. Sebuah filem bertajuk **Di Kehendaki**

⁴⁹ Opcit, Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia, 1965, hal. 15.

Kerana Membunuh yang mengisahkan mengenai penyakit batuk kering telah ditayangkan di Pesta Filem Edinburg dalam 1951.⁵⁰

Tahun 1953 merupakan tahun gemilang bagi *MFU*. Ini ialah kerana *MFU* telah menerbitkan banyak filem-filem bermutu. Antaranya ialah **Pelajaran Itu Suluh Kemajuan, Perjalanan Sungai Di Hutan, Pengalaman Chik, Sebelum Angin Datang, Kubu Hutan, Mengenalkan Yong Peng dan Ulangtahun Ke-7 MFU**. Tahun 1953 adalah tahun yang ketujuh *MFU* ditubuhkan.

Dalam tahun 1954, sebanyak 59 buah filem dihasilkan. Menurut artikel Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia (SRFNM) lagi beberapa buah filem telah dialih bahasa ke bahasa lain dan ditayangkan di 40 buah negara luar. Lima buah filem telah dihantar untuk menyertai Pesta Filem Asia di Tokyo dan memenangi dua hadiah iaitu perancangan terbaik dan fotografi terbaik.

Tahun 1954 juga mencatat sejarah bagi *MFU* kerana telah berjaya menayangkan tujuh buah filem bertajuk **Mengusir Komunis Dari Malaya** kepada pakar filem dan orang-orang kenamaan di Muzium Modern Art di New York dan di British Council Theatre, London.

⁵⁰ Opcit, Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia, 1965, hal. 16.

Lidah pengarang akhbar *The New Straits Times* yang diterbitkan dalam tahun 1954 membuat ulasan yang berbunyi; 'Malayan Film Unit kini muncul dari rahim bioskop, dewasa dan cekap dalam tekniknya.' Laporan Tahunan *MFU* 1954 pula ada menyatakan; 'Kini terbuktiilah kebolehan anak-anak negeri mengusahakan sendiri segala peringkat teknik dalam pembikinan filem.'⁵¹

Tahun 1955 bermakna *MFU* sudah mencapai usia sembilan tahun. Dalam usia yang masih muda ia mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang. Peningkatan bilangan filem yang diterbitkan begitu ketara dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1954 sebanyak 39 buah filem diterbitkan manakala dalam tahun 1955 sebanyak 50 buah filem diterbitkan (Filem-Filem Dokumentari Terbitan Filem Negara Malaysia, 1999). Antara filem yang dihasilkan ialah mengenai aktiviti latihan kepada pasukan keselamatan. Di samping itu banyak lagi filem-filem dokumentari yang diterbitkan seperti **Universiti Malaya, Lembah Harapan, Melaka dan Kaum Asli Temiar.**

Filem **Kaum Asli Temiar** telah dihantar menyertai Pesta Filem Asia di Hong Kong pada tahun 1956 dan memenangi hadiah filem dokumentari terbaik dalam kategori bukan drama (Filem-Filem Terbitan Filem Negara

⁵¹ Opcit, Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia, hal. 16.

Malaysia Yang Memenangi Hadiah Di Pesta-Pesta Filem Kebangsaan Dan Antarabangsa,1997).

Filem ini juga dianugerahkan sijil kepujian di Pesta Filem Venice dan Edinburg, sijil penyertaan di Melbourne di samping mendapat sanjungan tinggi di Pesta Filem Berlin yang ketujuh. Filem ini mendapat sambutan ramai di Amerika, Canada dan United Kingdom. Ini ialah kerana filem ini ditayangkan beberapa kali di televisyen.⁵²

4.3 MALAYAN FILM UNIT DI ERA KEMERDEKAAN

Tahun 1957 merupakan tahun penting bagi sejarah Persekutuan Tanah Melayu. Pada 31 Ogos 1957 Tanah Melayu diberikan kemerdekaan oleh British. Tepat jam 12 tengah malam bendera Union Jack diturunkan dan tempatnya digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu (Nazaruddin M. Jali, Ismail M. Rashid & Nurazmi Kuntum, 1992).

MFU tidak ketinggalan memainkan peranannya merakamkan peristiwa bersejarah itu untuk diabadikan dalam filem. Dua buah filem yang dihasilkan khas untuk kemerdekaan ialah **Menuju Kemerdekaan** dan **Kemerdekaan Malaya**.

⁵² Opcit. Sejarah Ringkas Filem Negara Malaysia, hal. 17.

Dengan tercapainya kemerdekaan negara bermakna tugas *MFU* semakin berat dan lebih mencabar. Ia berhadapan dengan cita-cita hendak menyatupadukan seluruh rakyat yang terdiri daripada pelbagai keturunan di samping bekerja keras untuk menegakkan demokrasi. Antara filem-filem yang dihasilkan dalam tahun kemerdekaan ialah **Kisah Kita Melalui Setem, Makhlok Pantai Malaya dan Seni Perusahaan**. (Dewan Masyarakat, September 1965:15).

Antara tahun 1957 hingga 1960 pengeluaran filem-filem semakin bertambah. Antara filem-filem yang dihasilkan ialah **Petani Utama Kum Yeng, Bersatu Kita Teguh, Bakti Disemai Bukti Dituai, Hasil Dari Kolam, Kesenian Melayu, Hamba Ajaib, Tunjang Esok dan Batu Caves**.

Pada tahun 1960 Tanah Melayu telah diisytiharkan bebas daripada cengkaman darurat. *MFU* menghasilkan sebuah filem bertajuk **Dugaan Negara**. Filem ini mengisahkan bagaimana sengsaranya rakyat Tanah Melayu menghadapi zaman yang perit bermula dari tahun 1948 hinggalah ke tahun 1960. Filem ini juga menceritakan bagaimana kerajaan menghadapi tentangan dari pengganas komunis mematahkan perjuangan sia-sia mereka.

Kerajaan Tanah Melayu berusaha begitu gigih untuk memajukan tanahair. Usaha-usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar dan

membasmi kemiskinan masyarakat terus dijalankan. Rancangan Pembangunan Lima Tahun telah dirancang. Dalam hubungan ini *MFU* memainkan peranannya dengan menghasilkan filem-filem yang menggerakkan masyarakat supaya memajukan diri di samping memupuk semangat gotong royong di kalangan mereka.

Pada 21 Mei 1961 YTM Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama Persekutuan Tanah Melayu telah mencetuskan satu idea baru iaitu **Gagasan Malaysia** (Dewan Masyarakat, September 1965:16). Objektif utama gagasan itu ialah untuk menyatupadukan penduduk-penduduk di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak untuk menjadi sebuah negara kesatuan yang merdeka dan berdaulat dengan nama Malaysia.

Setiap peristiwa ke arah penubuhan Malaysia didokumentasikan oleh *MFU*. Sejak idea itu dikemukakan kepada rakyat, dibincang di kalangan pemimpin, pandangan rakyat jelata, pungutan suara, semuanya dirakam dalam bentuk filem yang diberi judul **Titik-Titik Sejarah Malaysia** dan **Munculnya Malaysia**.

Pada 16 September 1963 lahirlah Malaysia sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan dunia bebas. (Dewan Masyarakat, September 1965:16).

Peristiwa penting dan bersejarah ini diabadikan dalam filem yang berjudul **Kelahiran Malaysia**. Filem ini telah memenangi hadiah istimewa dalam Pesta Filem Asia 1964 di Taipei. Kemenangan ini merupakan satu pengiktirafan terhadap pembuat-pembuat filem dokumentari mengenai kemunculan orang-orang Asia yang mahu hidup merdeka dan berdaulat.

Sebuah filem khas yang diberi judul **Bapa Malaysia** telah diterbitkan sebagai mengenang jasa kepada penaja penubuhan Malaysia iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra. Filem ini juga telah memenangi satu anugerah iaitu **Golden Harvest** di pesta filem yang sama di Tapei.

Dengan tertubuhnya Malaysia, *MFU* telah diberi nama baru iaitu Filem Negara Malaysia (FNM). Dengan lahirnya Malaysia FNM menghadapi cabaran yang lebih besar. Tugas utama FNM ialah untuk memupuk perpaduan antara berbagai-bagai kaum di samping menyemai rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Antara filem-filem yang membawa tema tersebut ialah **Setia Negara, Malaysia Berjaya** dan **Perpaduan Kebangsaan**.

Dalam tahun 1963 juga berlaku satu lagi peristiwa penting yang mengancam keselamatan negara iaitu konfrantasi antara Indonesia dan

Malaysia. Sebuah filem berjudul **Pecah Pahit** telah diterbitkan yang menceritakan mengenai peristiwa konfrantasi itu.

Dalam menghadapi cabaran tetangga ini FNM mempunyai peranan yang amat penting untuk mempertahankan maruah negara. Untuk tujuan ini FNM mempunyai dua tugas berat iaitu tugas di dalam negara dan tugas di luar negara.

Di dalam negara, FNM perlu memainkan peranannya menghasilkan filem yang boleh mengekalkan perpaduan. Untuk peranan di luar negara pula, melalui filem-filem yang ditayangkan, FNM perlu menggambarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang cintakan perdamaian.

4.4 PERTUKARAN NAMA DARI *MALAYAN FILM UNIT* KE FILEM NEGARA MALAYSIA

Pertukaran nama dari *MFU* ke FNM telah berlaku pada 22 November 1963. Menurut dokumen Arkib Negara Malaysia, sepucuk surat bertarikh 27hb. Mei 1963 dihantar oleh Encik Mohd. Zain Hussein, Ketua *MFU* kepada Setiausaha Kementerian Penerangan & Penyiaran, Kuala Lumpur. Surat tersebut menyarankan supaya dikemukakan kepada Perdana Menteri cadangan untuk menukarkan nama *Malayan Film Unit* kepada Filem Negara. (Lampiran 2).

Pada **22hb. N ovember 1 963** sepucuk surat dihantar oleh Encik Nik Mohamed Amin dari Kementerian Penerangan Dan Siaran Radio kepada Ketua Filem Negara memaklumkan bahawa Y. B. Menteri Muda Penerangan telah bersetuju supaya nama Filem Negara Tanah Melayu ditukar kepada **Filem Negara Malaysia. (Lampiran 3).**

4.5 'RUMAH BAHARU' FILEM NEGARA MALAYSIA

Pada 24 Ogos 1965 satu lagi sejarah tercatat. "Rumah Baharu" Filem Negara Malaysia (FNM) yang terletak di Jalan Utara, Petaling Jaya telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalulail tepat pada jam 5.10 petang (Dewan Masyarakat, September 1965:13).

Dalam titah ucapan perasmianya baginda mengharapkan FNM mampu memberi penerangan yang lebih jelas dan sempurna mengenai rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Baginda juga mahukan FNM memainkan peranannya memperkenalkan Malaysia kepada negara-negara sahabat secara lebih meluas lagi.

Pejabat dan studio baru FNM di Petaling Jaya itu dibina dengan perbelanjaan sebanyak 4.1 juta ringgit di bawah peruntukan Rancangan

Malaysia Kedua.⁵³ Sebelum tempat yang kekal dipilih untuk pembinaan bangunan baru di Jalan Utara, Petaling Jaya terdapat juga sejarah mengenai pemilihan tempat-tempat lain yang difikirkan sesuai ketika itu.

Antara tempat pertama yang dipilih ialah di Johor Bahru. Sebuah 'Bandar Filem' telah dirancang penubuhannya. Namun terdapat masalah ketika itu iaitu kurangnya tenaga elektrik yang dibekalkan. Tempat lain pula dicadangkan iaitu sebuah gedung di Pulau Pinang tetapi terdapat masalah lain pula iaitu bekalan air tidak mencukupi.

Cadangan tempat seterusnya ialah di Taiping namun kekurangan tenaga elektrik pula menimbulkan masalah. Pemilihan tempat seterusnya iaitu di Tiger Lane, Ipoh. Masalah kurangnya bekalan air menjadikan tempat itu tidak sesuai.

Tempat terakhir yang dipilih ialah di satu tempat di Jalan Gurney, Kuala Lumpur. Namun masalah yang sama dihadapi seperti di Ipoh iaitu bekalan air tidak mencukupi. Akhir sekali satu tempat di Jalan Utara, Petaling Jaya didapati sesuai untuk pembinaan pejabat baru FNM. Pada masa

⁵³ Wong Khye Weng, "Rumah Baharu Kita", (Kuala Lumpur : 1965, *Buku Cenderamata* Keluaran Khas sempena Pembukaan Rasmi Filem Negara Malaysia oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Almarhum Tunku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 24. 8. 1965), hal. 25.

perasmiannya iaitu 24 haribulan Ogos 1965 ia merupakan sebuah studio penerbitan filem yang paling moden dan lengkap di Asia Tenggara. Pejabat dan studio tersebut kekal hingga ke hari ini dan masih digunakan untuk menerbitkan filem-filem.

4.6 PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

MFU dan *FNM* telah menghasilkan banyak filem-filem dokumentari sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946. Ini terbukti jika dilihat pada katalog filem yang disediakan oleh Unit Pembahagian Filem, Filem Negara Malaysia. Katalog tersebut menyenaraikan filem-filem yang diterbitkan sejak dari filem pertama lagi. Walaupun pada peringkat permulaannya keadaan *MFU* serba kekurangan namun ada filem-filem yang dihasilkan diperakui bermutu dan boleh dicalonkan untuk pertandingan di pesta-pesta filem sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Mengikut rekod yang tercatat di *FNM*, *MFU* mula memenangi anugerah pada tahun 1954. Lima buah filem telah memenangi dua hadiah Golden Harvest di Pesta Filem Asia di Tokyo berserta sijil-sijil kerana diiktiraf mempunyai perancangan terbaik dan fotografi terbaik dalam kategori filem bukan drama. Kelima-lima filem itu ialah **Before The Wind**, **Building Bonny Babies**, **The Letter**, **Buffaloes For Ploughing** dan **Letter From Home**. Dari

setahun kesetahun *MFU* dan *FNM* telah menghantar banyak filem-filem terbitannya di pelbagai festival. (*Lampiran 4*).

**4.7 KETUA-KETUA PENGARAH MALAYAN FILM UNIT
DAN FILEM NEGARA MALAYSIA**

Mengikut rekod yang tersimpan di Perpustakaan Filem Negara Malaysia senarai Ketua-Ketua Pengarah *MFU* dan *FNM* adalah seperti berikut: -

<u>Bil.</u>	<u>Nama Ketua Pengarah</u>	<u>Tahun Berkhidmat</u>
1.	Harry Govan	1946 - 1950
2.	B. H. Hipkin	1950 - 1952
3.	Thomas Hodge	1952 - 1954
4.	Ow Kheng Law	1954 - 1963
5.	Mohd. Zain Hashim	1964 - 1970
6.	John Nettleton	1970 - 1973
7.	Raja Iskandar Raja Mohd. Zahid Jan.	1974 - Mac 1974
8.	Haji Othman Hj. Shamsudin	1974 - 1983
9.	Abdul Aziz Wok	Mac 1983-Dis. 1984
10.	Haji Mokhtar Daud	Jan.1985-Jan. 1987
11.	Shaharom Shahaban	15.1.1987-30.4.1997
12.	Syed Hamzah Syed Othman	1.9.1997-15.7.2000
13.	YM Raja Rozaimie Raja Dalnish Shah	16.7.2000-sekarang

4.8 FILEM NEGARA MALAYSIA MASA KINI

Filem Negara Malaysia (FNM) kini berdiri megah sebagai sebuah badan perfileman milik kerajaan yang unggul di Malaysia. Ditubuhkan dalam tahun 1946, kini ia berusia 57 tahun. Dalam usia melebihi separuh abad FNM telah banyak berjasa kepada masyarakat dan negara.

Wujudnya *MFU* dalam dekad di mana negara belum mencapai kemerdekaan telah mendorong penerbitan filem-filem bercorak menentang dakyah komunis. Dalam era kemerdekaan pula *MFU* berperanan menyampaikan wadiah kerajaan melalui filem-filem terbitannya agar rakyat dapat melaksanakan pengisian terhadap kemerdekaan tersebut. (Omar Abdullah, 1991:5).

Kini FNM sebagai sebuah institusi perfileman rasmi memainkan peranannya dalam membantu kerajaan membentuk sebuah negara yang dinamis dengan rakyat yang berkemampuan menerima dan melaksanakan sesuatu yang baru mengikut peredaran zaman.

Menurut sumber rasmi yang diperolehi daripada Unit Pembahagian Filem, Filem Negara Malaysia, jumlah filem dokumentari yang telah diterbitkan sehingga Disember 2000 ialah sebanyak 2404 buah manakala filem treler pula sebanyak 1147 buah. Filem dokumentari mengikut takrifan FNM ialah

filem yang panjangnya empat minit dan ke atas sementara filem treler ialah filem yang panjangnya kurang dari empat minit.

4.9 OBJEKTIF FILEM NEGARA MALAYSIA

Membantu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman rakyat dalam negara serta masyarakat antarabangsa mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan.

Misi

- Menerbit filem cereka, dokumentari, animasi dan treler berkualiti yang menepati kehendak pelanggan.
- Membekalkan produk (filem/video) yang cekap kepada pelanggan.
- Menyediakan perkhidmatan perfileman yang cekap dan berkesan kepada pelanggan.
- Menjadi pusat pemrosesan filem terulung di rantau Asia Tenggara.
- Menyimpan dan memelihara filem yang mempunyai kepentingan sejarah sebagai khazanah negara.
- Menjadi pusat latihan perfileman terunggul di rantau Asia Tenggara.

Visi

Menjadi pusat aktiviti perfileman terulung di rantau Asia Tenggara.

Strategi

- Menggunakan teknologi terkini dalam penerbitan filem.
- Mengutamakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan perfileman.

- Memantapkan program latihan dalam semua aspek penerbitan.
- Mewujudkan perkongsian pintar dengan agensi-agensi kerajaan dan organisasi swasta (dalam dan luar negara) yang memberi pentauliah dalam pelbagai aspek penerbitan.
- Menyertai pesta/pertandingan/seminar/kursus perfileman dalam dan luar negara.
- Menganjurkan pertandingan/seminar/kursus perfileman dari semasa ke semasa.
- Meningkatkan keupayaan dan prestasi *film vault* dari semasa ke semasa supaya dapat menampung permintaan terhadap penyimpanan dan pemeliharaan filem oleh pelanggan.⁵⁴

4.10 FUNGSI FILEM NEGARA MALAYSIA

Fungsi Utama

Menerbitkan filem dokumentari/treler dan membuat liputan filem peristiwa (arkib).

Bentuk filem yang diterbitkan adalah seperti berikut : -

- a) Filem Dokumentari
 - i) Ilmiah
 - ii) Peristiwa Semasa
- b) Filem Treler
 - i) Perayaan
 - ii) Kempen
 - iii) Animasi
 - iv) Selingan

⁵⁴ ' Mengenali Warisan Kita ', Kementerian Penerangan Malaysia (Kuala Lumpur : Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd., 2001), hal. 43

Fungsi Lain


- Menyimpan dan memelihara bahan perfileman.
- Memberi perkhidmatan perfileman ⁵⁵

4.11 STRUKTUR ORGANISASI FILEM NEGARA MALAYSIA

FNM diletakkan di bawah Kementerian Penerangan Malaysia. Ia merupakan sebuah jabatan tersendiri dan berada di bawah naungan Kementerian tersebut. Terdapat lima lagi Jabatan yang diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Jabatan-Jabatan tersebut ialah Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan Jabatan Hal Ehwal Khas.

⁵⁵ Ibid, ' Mengenali Warisan Kita ', hal. 41

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA



Filem Negara Malaysia diketuai oleh seorang **Ketua Pengarah**. Beliau dibantu oleh pengarah-pengarah dari bahagian-bahagian lain yang terbentuk di bawahnya. Terdapat empat bahagian yang mempunyai tanggungjawab khusus. Bahagian-bahagian tersebut ialah : -

1. Bahagian Penerbitan.
2. Bahagian Makmal.
3. Bahagian Kejuruteraan.
4. Bahagian Pentadbiran.⁵⁶

FNM hanya mempunyai satu pejabat cawangan iaitu Pejabat Cawangan di Sarawak. Ia terletak di bangunan RTM, Jalan Satok, Kuching.

⁵⁶ Ibid, 'Fail Filem Negara Malaysia (Sejarah).'

CARTA ORGANISASI



4.12 FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

I. Bahagian Penerbitan

- i. Mengendalikan penerbitan filem-filem dokumentari, peristiwa semasa, selingan, animasi dan menyimpan dengan sempurna.
- ii. Membuat liputan peristiwa-peristiwa penting negara untuk simpanan arkib.
- iii. Mengedar filem-filem terbitan FNM dalam bentuk filem atau video kepada Jabatan Penerangan, Kementerian Luar Negeri, stesyen televisyen dan pawagam.
- iv. Meminjamkan filem-filem terbitan Jabatan FNM kepada orang awam, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya.
- v. Membekal salinan filem-filem yang diterbitkan oleh Jabatan FNM kepada Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.
- vi. Menyimpan dan memulihara bahan-bahan filem dan pita audio untuk kegunaan dan rujukan.
- vii. Menjual filem-filem terbitan Jabatan FNM sama ada dalam bentuk filem, video, *stock shots* atau *sound effect*.
- viii. Menyelia dan memberikan pelbagai perkhidmatan perfileman kepada semua pihak.

II. Bahagian Makmal

- i. Memproses bahan filem negatif, positif dan pendua.
- ii. Memberi perkhidmatan bilik negatif dan larasan filem.
- iii. Mencetak salinan filem edaran.

III. Bahagian Kejuruteraan

- i. Menyenggara semua alat kelengkapan perfileman.
- ii. Mengurus penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan am.
- iii. Mengurus Studio Pentas Bunyi.
- iv. Mengalih filem ke pita video.
- v. Menyelia perkhidmatan lampu untuk penggambaran.
- vi. Menyelia penyelenggaraan sistem hawa dingin.
- vii. Mengurus peruntukan dan penjadualan projek-projek pembangunan.

IV. Bahagian Pentadbiran

- i. Mengurus perbelanjaan Jabatan FNM.
- ii. Mengurus hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan dan perjawatan Jabatan FNM.
- iii. Mengurus perakaunan hasil Jabatan FNM.

- iv. Menyelaras semua aktiviti umum Bahagian-Bahagian di Jabatan FNM.⁵⁷

⁵⁷ Ibid, ' Fail Filem Negara Malaysia (Sejarah),'